

Bosnia: Barat amal sikap berpura-pura

KUALA LUMPUR, Selasa – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas sikap bermuka-muka Barat yang mendakwa kononnya hendak mempertahankan rakyat Bosnia-Herzegovina, tetapi sebenarnya mereka membiarkan rakyat negara itu disembelih.

Beliau mengkritik cadangan kuasa besar yang mendalangi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk menarik keluar anggota tentera dari negara bekas Yugoslavia itu.

“Kini mereka bercakap nak menarik keluar tentera dari sana. Ini satu tindakan tidak bertanggungjawab. Mula nak selamatkan rakyat, tetapi bila rakyat diserang, mereka menarik diri pula.

“Mereka membiarkan rakyat disembelih. Mereka ca-

kap mengenai soal hak asasi manusia di Malaysia dan negara lain... lebih baik mereka tutup mulut saja,” katanya kepada pemberita selepas melawat Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (Mimos) di sini, pagi ini.

Di BRUSSELS, agensi melaporkan pemimpin Senat Amerika Syarikat, Bob Dole, menyalahkan Eropah kerana tidak bertindak menanganikan krisis Bosnia hingga menghancurkan sepenuhnya hubungan di antara Washington dan sekutunya dalam Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato).

Dole akan berunding dengan Setiausaha Agung Nato, Willy Claes dan duta pertubuhan itu hari ini, bagi menyuarakkan pandangannya kepada mereka.

“Kegagalan Nato bertindak balas menangani pep-

rangan di tenggara Eropah mencetuskan kebimbangan terhadap rancangan masa depan memperluaskan keanggotaannya kepada negara Eropah Tengah dan Timur,” kata Dole sebelum berlepas ke Brussels.

Dole dan sebahagian besar anggota Kongres Amerika yang menyokong kerajaan Bosnia dikatakan marah kerana menganggap kewibawaan Nato terjejas apabila Perancis dan Britain menghalang langkah mengukuhkan pertahanan zon selamat PBB di Bihac daripada serangan penganas Serb.

Dole mencetuskan kontroversi baru di kalangan sekutu Nato, kelmarin, apabila menuduh Paris dan London, khususnya, sebagai menggesa PBB membatalkan desakan Amerika supaya melancarkan serangan udara ter-

hadap puak Serb.

“Keluarkan semua pengaman PBB supaya mereka tidak menghadapi serangan balas Serb. Undurkan mereka,” katanya.

Perancis dan Britain menganjurkan supaya rundingan damai diteruskan atas alasan puak Serb akan melancarkan serangan balas jika diserang.

“Saya berpendapat, Nato gagal berfungsi,” kata Dole yang turut menckankan bahawa London dan Paris khususnya Britain bertanggungjawab melumpuhkan tindakan pertubuhan itu.

Dua minggu lalu, Rumah Putih memberitahu ia akan menghentikan penguatkuasaan sekatan senjata. Kongres turut mendesak pentadbiran Presiden Bill Clinton supaya membekalkan senjata kepada Bosnia.